

Pewartaan Fatwa Menurut Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 dan Penguatkuasaannya

Mazni binti Abdul Wahab*

Abstract

This article generally attempts to clarify the process of gazetting fatwa in the state of Selangor and measuring to what extent the gazetted fatwa are binding to the Muslim community. Several issues regarding the enforcement of fatwa is also briefly discussed.

Pendahuluan

Fatwa-fatwa yang hendak diwarta perlu melalui beberapa proses yang tertentu terlebih dahulu. Ini kerana banyak pihak akan terlibat dalam proses tersebut dan bukan hanya pihak Pejabat Mufti Negeri Selangor (PMNS) sahaja. Pihak-pihak yang terlibat dalam pewartaan fatwa ialah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YB Penasihat Undang-Undang dan juga DYMM Sultan sendiri bagi mengesahkan fatwa yang hendak diwarta.

Apabila fatwa-fatwa tersebut diwartakan, maka ianya sekaligus mengikat masyarakat Islam di negeri Selangor untuk mematuhi. Kegagalan mentaatinya boleh menyebabkan tindakan undang-undang diambil ke atas diri mereka.

* Peguam Syarie

Proses Pewartaan Fatwa

Sesebuah fatwa yang dikeluarkan pihak Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' bermula dengan daya usaha Mufti ataupun menerima permohonan dari mana-mana pihak sama ada kerajaan, institusi swasta ataupun individu. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui surat, telefon dan lain-lain. Ianya adalah berdasarkan kepada peruntukan seksyen 31(1) Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 yang menyatakan:

“Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat dengan surat yang dialamatkan kepada Mufti.....

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa permintaan boleh dibuat dengan surat sahaja. Akan tetapi, dari segi praktikalnya pertanyaan boleh dikemukakan dengan apa sahaja cara termasuk faks, telefon dan sebagainya.

Berpandukan kepada amalan terdahulu yang berdasarkan kepada peruntukan Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952, surat pertanyaan hendaklah dihantar kepada Majlis. Kemudiannya, pihak Majlis akan memajukannya kepada Mufti. Perkara ini dapat dilihat dalam seksyen 41(1) yang menyatakan:

“Siapa-siapa pun boleh dengan bersurat kepada setiausaha meminta Majlis mengeluarkan fatwa di atas apa-apa perkara agama Islam atau nas atau Undang-Undang Adat Istiadat Melayu, apabila diterima permintaan yang demikian hendaklah setiausaha dengan serta merta menghantar permintaan itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Agama”.

Peruntukan ini berbeza sedikit dengan peruntukan dalam seksyen 31(1), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 di mana surat yang dihantar boleh dialamatkan terus kepada Mufti. Sedangkan peruntukan di atas menunjukkan surat perlu dialamatkan kepada Majlis dan Majlis akan mengemukakannya kepada Mufti. Ini kerana, peruntukan di atas membawa maksud bahawa Mufti mengeluarkan fatwa bagi pihak MAIS.

Di samping itu juga, pihak yang berkuasa untuk mengisytiharkan keputusan fatwa juga ialah MAIS sebagaimana dalam peruntukan seksyen 41(3), Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' 1952:

“Majlis boleh pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri membuat dan mengisytiharkan apa-apa fatwa atau keputusan yang demikian itu”.

Ini bermakna, berdasarkan kepada amalan terdahulu, fatwa akan diisytiharkan oleh MAIS dan bukannya Mufti. Peruntukan seperti ini ditiadakan dan ditukar sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 31(1) Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989.

Tidak semua pertanyaan yang diajukan dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'. Jika persoalan yang diterima itu sesuatu yang remeh, ianya akan dijawab serta merta oleh Mufti, Timbalan Mufti atau pegawai hal ehwal Islam dan hanya persoalan yang benar-benar memerlukan perbincangan sahaja akan dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'.¹

Berdasarkan peruntukan seksyen 34(4), Mufti berkuasa menentukan isu yang akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' dengan memanggil mereka untuk menghadiri mesyuarat sepertimana di bawah:

“Apabila Mufti bercadang hendak membuat fatwa di bawah seksyen 31, dia hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud membincangkan perkara yang hendak diberi fatwa itu”.

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa semua fatwa rasmi Kerajaan Negeri perlu dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' terlebih dahulu. Pemberitahuan mengenai adanya mesyuarat dibuat secara bertulis dan juga lisan.² Pada kebiasaannya, notis mesyuarat akan diberitahu sebulan lebih awal kepada para ahli.³ Kehadiran ahli adalah penting memandangkan jumlah 1/3 dari jumlah keseluruhan ahli perlu ada dan sekiranya gagal, mesyuarat tersebut akan dibatalkan.⁴

Setelah menerima persoalan yang dikira sesuai, satu kertas kerja khas akan disediakan kepada para ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'. Kertas kerja ini akan

¹ Md. Razali bin Hasanusi, Pegawai Hal Ehwal Islam PMNS, temubual pada 20 November 1999, jam 11 pagi.

² *Ibid.*

³ *Ibid.*

⁴ *Ibid.*

menyediakan segala butiran yang berkaitan termasuklah dalil al-Quran dan al-Hadis untuk dibincangkan. Peruntukan seksyen 34(5) menyatakan:

“Sebelum Mufti membuat fatwa, ia boleh mengarahkan suatu kajian atau penyelidikan dibuat dan kertas kerja disediakan”

Pada kebiasaannya, Pegawai Hal Ehwal Islam bertugas menyediakan kertas kerja dengan dibantu oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam.⁵ Walaupun begitu, Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga terlibat menyediakan kertas kerja terutama sekali perbincangan berkaitan kes ajaran sesat.⁶

Setiap keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' akan dimaklumkan kepada MAIS. Dalam proses pemakluman ini, selain daripada PMNS, bahagian Penyelidikan JAIS turut terlibat memberi maklumat terutama dalam kes ajaran sesat.⁷ Ini kerana bahagian Penyelidikan JAIS yang telah membuat siasatan termasuk menyamar sebagai saksi bagi mendapatkan maklumat yang terdapat dalam sesuatu ajaran.⁸ Tujuan pemakluman ini adalah untuk diendorskan fatwa tersebut dan pada kebiasaannya pihak MAIS akan menerima maklumat yang dibuat.⁹

Selepas keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' diberitahu kepada MAIS dan mendapat persetujuan untuk mewartakannya, fatwa tersebut akan didraf untuk penelitian YB Penasihat Undang-Undang Negeri.¹⁰ Di sini, YB Penasihat Undang-Undang Negeri akan memastikan bahasa yang digunakan adalah bahasa undang-undang kerana ianya untuk tujuan warta. Di samping itu juga, Bahasa Malaysia merupakan bahasa yang mesti digunakan untuk tujuan tersebut. Seksyen 32(2), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 yang menyebut:

“Sesuatu fatwa hendaklah diwartakan dalam Bahasa Malaysia dalam tulisan Rumi, tetapi kandungan fatwa itu dalam tulisan Jawi boleh juga diterbitkan”.

⁵ *Ibid.*

⁶ Nordin Bayadi, Pegawai di Bahagian Penyelidikan JAIS, temubual pada 20 April 2000, jam 10.15 pagi.

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*

⁹ *Ibid.*


¹⁰ *Ibid.*

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan turut diambil kira dalam pewartaan fatwa. Walaupun begitu, penggunaan tulisan jawi masih boleh diterima dan sekaligus mengekalkan tulisan tersebut daripada terus dipinggirkan.

Kemudiannya, draf warta yang telah dihantarkan kepada YB Penasihat Undang-Undang akan dibetulkan sekiranya terdapat kesalahan dalam draf tersebut.¹¹ Satu surat akan dihantar dan dihadapkan kepada DYMM Sultan atau Pemangku Sultan untuk mohon perkenan.¹² DYMM Sultan atau Pemangku Sultan boleh atas pertimbangannya membenarkan atau tidak membenarkan fatwa tersebut diwartakan. Sekiranya perkenan DYMM Sultan atau Pemangku Sultan telah diperolehi, fatwa tersebut akan dihantar sekali lagi kepada YB Penasihat Undang-Undang untuk diwartakan dalam warta Kerajaan Negeri secara rasmi.¹³ Setelah fatwa diwartakan, ianya akan dicetak untuk disebarikan kepada orang ramai.¹⁴

Untuk melihat dengan lebih jelas lagi, berikut adalah carta yang menunjukkan bagaimana proses pewartaan dijalankan:

Carta 1 Proses Pewartaan Fatwa




¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Risalah Pengenalan Ringkas Pejabat Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan, diterbitkan oleh Pejabat Mufti Negeri Selangor.



(Sumber: Risalah Pengenalan Ringkas PMNS)

Proses di atas nampak mudah seperti tiada sebarang permasalahan. Namun, dari segi praktikalnya berlaku pelbagai konflik dalam proses mewartakan sesuatu fatwa. Antara konflik yang dihadapi ialah kecenderungan untuk mewartakan fatwa adalah tertakluk kepada sejauhmana minat pihak kerajaan untuk mewartakannya. Contohnya pengharaman ajaran Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya yang difatwa pada 3 Ogos 1985 hanya diwartakan pada 14 September 1995¹⁵ dan ini bermakna selepas tempoh 10 tahun barulah fatwa mengenai ajaran tersebut diwartakan. Begitu juga dengan pengharaman Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam yang hanya diwartakan pada tahun 1993 walhal fatwa mengenainya telah dikeluarkan pada tahun 1988 lagi.¹⁶ Walau bagaimanapun, tidaklah dinafikan terdapat beberapa fatwa yang berjaya diwartakan dalam masa sebulan sahaja. Contohnya, fatwa pengharaman ajaran Nordin Putih,¹⁷ ajaran Haji Ghazali Othman,¹⁸ golongan Anti Hadis¹⁹ dan al-Arqam²⁰ yang telah diwartakan selepas sebulan fatwa tersebut dikeluarkan.

¹⁵ Ajaran dan Amalan yang telah Difatwakan Menyeleweng dan Sesat dalam Negeri Selangor (1985-1995). Selangor: Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Selangor, h. 1.

¹⁶ Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (1991 Hingga 1997), Selangor: Pejabat Mufti Negeri Selangor, h. 1.

¹⁷ Warta Kerajaan, 4 Februari 1993.

¹⁸ *Ibid.*, 28 September 1995.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*, 23 November 1995.

MAIS turut memainkan peranan dalam menentukan fatwa manakah yang akan diwartakan.²¹ Secara hakikinya, Mufti dan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' membuat fatwa bagi pihak MAIS. Oleh yang demikian, MAIS berkuasa memberi nasihat untuk tidak mewartakan sesuatu isu. Contohnya isu istiadat penyembahan Sultan dan juga penggunaan perkataan "maha" kepada Sultan telah dinasihatkan supaya tidak diwartakan. Walau bagaimanapun, fatwa tersebut dipanjangkan ke pengetahuan Exco Agama dan juga Dewan Diraja.²²

Kriteria-Kriteria Fatwa yang Diwarta

Setiasaha Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' selaku wakil PMNS akan mengemukakan laporan kepada MAIS setiap keputusan fatwa.²³ PMNS tidak meletakkan apa-apa kriteria terhadap mana-mana fatwa kerana semua keputusan yang diambil dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' dibawa ke pengetahuan MAIS.²⁴ Pada tahap ini, pihak MAIS yang akan memainkan peranan untuk menentukan sama ada fatwa-fatwa yang dikemukakan itu akan diwarta atau tidak.

Pada kebiasaannya, fatwa akan diwartakan apabila melibatkan kepentingan umum.²⁵ Contohnya, kes-kes ajaran sesat sering diwartakan kerana hanya dengan cara ini pencegahan dan tindakan undang-undang boleh dilaksanakan kepada mereka. Di samping itu juga, dapat menghindari masyarakat daripada terjebak dengan sesuatu ajaran sesat. Satu lagi contoh fatwa yang diwarta melibatkan kepentingan umum ialah penetapan harga zakat fitrah di mana nilainya telah ditentukan bagi mengelakkan sebarang pertikaian mengenainya.

Di samping itu juga, fatwa akan diwartakan apabila ianya dikira sesuatu yang baru dan tiada nas mengenainya sama ada dalam al-Quran atau al-Hadis.²⁶ Contohnya fatwa mengenai kedudukan masjid baru yang akan dibina dan juga kedudukan masjid

²¹ Nordin Bayadi, *op.cit.*

²² *Ibid.*

²³ Md. Razali bin Hasanusi, *op.cit.*

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Profesor Madya Dr. Ahmad Hidayat Buang, "Laporan Proses Pengeluaran dan Penyediaan Fatwa", Projek Penganalisaan Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia (IRPA 07-02-03-0403), h. 74.

²⁶ *Ibid.*

lama. Dalam fatwa ini, tindakan yang harus dilakukan dalam mendirikan masjid baru serta mengelakkan tapak masjid yang lama dari tercemar. Beberapa etika perlu diambil kira seperti membina masjid baru di tapak yang sama serta mendapatkan tanah yang berada berhampirannya jika ingin membesarkan masjid. Oleh kerana perkara ini tidak terdapat dalam mana-mana nas, maka ianya telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri.

Fatwa pengharaman merokok merupakan satu lagi contoh fatwa yang tidak disebut nasnya secara terang dalam al-Quran mahupun al-Hadis. Fatwa mengenainya telah diwartakan memandangkan tabiat merokok memberi kesan negatif dan tidak mendatangkan sebarang manfaat.

Implikasi Pewartaan Fatwa

Fatwa-fatwa yang telah diwartakan memberi implikasi dari segi undang-undang kepada umat Islam. Pertama, semua umat Islam yang berada di Selangor adalah terikat dan wajib mentaati fatwa tersebut. Ianya telah diperuntukkan dalam seksyen 31 (3) dan (4), Enakmen Perundangan Islam Selangor 1989 yang menyatakan:

(3) Sebaik sahaja diwartakan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat orang Islam yang tinggal di Negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya mengikut dan berpegang dengan fatwa itu, kecuali ia dibenarkan oleh Hukum Syara', menyimpang dari fatwa itu dalam hal kewajipan peribadi, kepercayaan atau pendapat.

(4) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah dalam Negeri Selangor sebagai yang penuh berkuasa dalam perkara yang ditetapkan itu.

Peruntukan di atas jelas menunjukkan bahawa seseorang yang tinggal di negeri Selangor berkewajipan untuk mentaati fatwa yang telah diwarta. Kemungkinan terhadap fatwa tersebut boleh menyebabkan seseorang itu didakwa di mahkamah kerana pihak mahkamah mengiktiraf fatwa-fatwa yang diwarta.

Tempoh selama mana seseorang itu tinggal dalam negeri tidak dinyatakan dengan jelas akan tetapi, adalah memadai tinggal dalam tempoh yang biasa. Istilah mastautin ini telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam kes *Pendakwa Syarie*

*lwn. Fahyu Hanim Ahmad, Noni Mohammad dan Sharina Shaari.*²⁷ Dalam kes ini, pihak peguambela mengemukakan bantahan dengan alasan anakguamnya bukanlah pemastautin negeri Selangor kerana mereka berasal dari negeri Kedah dan Pulau Pinang. Y.A. Hakim dalam kes menolak alasan yang diberikan oleh peguambela dengan menyatakan bahawa:

Perkataan “tinggal” yang terdapat di dalam seksyen tersebut (seksyen 31(3)) sekalipun tidak terdapat tafsiran khusus dalam Enakmen Undang-Undang yang digunapakai di Mahkamah Syariah Selangor memberi makna diam, atau berada atau duduk, bertempat, markas, menginap, menumpang, menghuni, berumah, menetap, bersemayam, bercukul atau sarang. Tinggal juga bermakna hidup atau tidur (rujuk Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi tahun 1993, m.s. 1368 dan Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, tahun 1995, m.s. 2068).

Oleh kerana itu, saya berpendapat seksyen 31(3) adalah terpakai bagi semua orang yang berada atau tinggal di Negeri Selangor, sekalipun baru sahaja tidur satu malam atau satu jam dan berdasarkan ini pihak kena tuduh boleh diambil tindakan di bawah seksyen 12(c) sekalipun pihak kena tuduh bukan pemastautin di dalam negeri Selangor tetapi kesalahan yang dilakukan adalah berada di negeri Selangor di mana Mahkamah Syariah Selangor ada bidangkuasa untuk mendengar dan membicarakan.

Melalui kes ini, dapat difahami bahawa tempoh “tinggal” itu ialah dari yang sesingkat-singkat masa hinggalah ke satu tempoh yang paling lama. Walaupun berada di Selangor dalam tempoh yang paling singkat, seseorang yang melakukan sesuatu kesalahan boleh ditangkap dan didakwa atas kesalahan yang telah dilakukannya. Keputusan Y.A. Hakim dalam kes ini adalah tepat kerana sekiranya Orang Kena Tuduh (OKT) tidak boleh didakwa bagi kesalahan yang dilakukannya akan mengakibatkan berleluasanya maksiat dalam negeri ini. Di samping itu juga, orang dari luar Selangor akan mengambil kesempatan melakukan kesalahan dalam negeri ini. Isu mengenai pemastautin ini juga pernah ditimbulkan dalam *kes Sharifah Laila Syed Shamdin lawan Abdul Latif bin Arshad*²⁸

²⁷ Kes Jenayah bil. 510/511/512/97.

²⁸ Jurnal Hukum, September 1984, hh.11-16.

Takrif mastautin dalam seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, Negeri Selangor 1984 menyatakan “Bermastautin ertinya tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu”

*Ianya telah ditafsirkan oleh Hakim dalam kes ini sebagai:
Tafsiran bermastautin tadi juga hanya mensyaratkan seseorang itu tinggal tetap dalam sesuatu kawasan atau pada lazimnya tinggal di sesuatu kawasan, tidak disyaratkan hendaklah menjadi rakyat negeri di mana kawasan itu berada”*

Tafsiran yang diberikan di dalam kes di atas menunjukkan bahawa pengertian mastautin itu lebih luas lagi di mana seseorang yang bukan rakyat Malaysia tetapi berada di Malaysia bagi satu-satu waktu juga dianggap sebagai pemastautin. Ini bermakna, jika seseorang itu melancong ke Malaysia juga dianggap sebagai pemastautin selagi mana ia berada di sini dan tanpa mengira seseorang itu rakyat atau warganegara mana sekalipun.

Walaupun dinyatakan kesemua umat Islam wajib mentaati fatwa yang diwarta, akan tetapi terdapat pengecualian untuk tidak mentaatinya. Peruntukan seksyen 31(3) menunjukkan bahawa fatwa itu boleh dilanggar sekiranya dibenarkan oleh hukum Syarak. Contohnya, seseorang yang berpegang dengan Mazhab Ḥanafī boleh baginya untuk tidak mematuhi fatwa yang berlainan dengan kebiasaan yang dilakukannya dalam mazhab tersebut.

Sebenarnya, pengecualian ini tidak perlu dibuat memandangkan orang yang dianggap sebagai masyarakat umum dibolehkan mengikut mazhab selain daripada mazhab yang didakwa diikutinya sama ada berpindah mazhab buat selama-lamanya ataupun pada masalah-masalah yang tertentu. Walau bagaimanapun dua syarat dikenakan sebelum seseorang itu berpindah mazhab iaitu pertamanya, jangan bertaklid sehingga menjadi *talfiq*²⁹ dan keduanya, berpindah mazhab dengan tujuan untuk mencari rukhsah dari setiap mazhab.³⁰

²⁹ al-Sayyid al-Bakri bin Muhammad Syatā al-Dimyātī (t.t.), *I'ānah al-Ṭālibīn* jil. 4. Mesir: 'Īsā al-Ḥalabī, h. 217.

³⁰ *Ibid.* Lihat juga Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (t.t.), *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*, Juz. 2. Baghdad: Maktabah al-Muthannā, h. 406.

Kedua, seseorang yang melanggar dan mengingkari fatwa-fatwa yang diwartakan boleh didakwa di Mahkamah Syariah menurut Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995. Di bawah Enakmen ini, terdapat beberapa peruntukan yang boleh dikenakan akibat melanggar fatwa yang diwartakan. Di antara peruntukan yang boleh digunakan ialah peruntukan seksyen 12 yang menyatakan:

12. Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah, atau mengingkari, melanggar, atau mempertikaikan perintah atau arahan,

- a) *Duli Yang Maha Mulia Sultan atas sifat baginda sebagai Ketua Agama Islam*
- b) *Majlis*
- c) *Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa*

adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa Mufti menduduki tempat ketiga dalam negeri dan berautoriti selepas DYMM Sultan dan juga MAIS. Kedudukan ini menjadikan Mufti turut dipandang tinggi dan mempunyai status dalam masyarakat. Pandangan dan pendapat Mufti turut diambil kira dalam menjalankan sesuatu perkara terutama yang melibatkan hal ehwal Agama Islam. Kesalahan melanggar dan mengingkari fatwa adalah termasuk dalam bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah. Contohnya kes *Pendakwa Syarie lwn. Fahyu Hanim Ahmad, Noni Mohammad dan Sharina Shaari*³¹ yang telah didakwa mengikut seksyen ini. Ketiga-tiga OKT telah menyertai pertandingan Ratu Cantik *Miss Petite* yang diadakan di Ballroom Holiday Villa, Subang Jaya. Penyertaan mereka ini telah melanggar fatwa yang telah diwartakan pada 11 Mei 1995. Dalam warta tersebut dinyatakan bahawa:

“Adalah haram bagi wanita Islam menyertai apa-apa jenis pertandingan ratu cantik”.

³¹ Kes Jenayah bil. 510/511/512/97.

Pihak OKT menggunakan alasan tidak tahu tentang adanya fatwa yang mengharamkan mereka menyertai pertandingan ratu cantik. Alasan yang dikemukakan ini tidak dapat diterima dalam undang-undang kerana tidak tahu adanya undang-undang tidak boleh menjadi dalihan dalam kes jenayah. Jika dalihan tidak tahu adanya undang-undang diterima, maka sudah tentulah mana-mana pihak OKT yang lain akan menggunakan alasan yang serupa untuk membela diri mereka.

Selain dari itu, terdapat satu lagi kesalahan yang juga akan didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah iaitu kesalahan mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa. Seksyen 13, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 menyatakan:

“Mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang apa-apa isu, ajaran Islam atau Hukum Syarak yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di negeri ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.

Di bawah kesalahan ini, mereka yang didakwa selalunya adalah yang terlibat dalam ajaran sesat. Setakat ini, peruntukan di bawah seksyen 13 tidak pernah digunakan.

Pihak pendakwa juga boleh menggunakan peruntukan seksyen 14 iaitu mengajar tanpa tauliah untuk mendakwa mereka yang terlibat dalam penyebaran mana-mana ajaran sesat yang diwartakan haram. Dalam peruntukan ini dinyatakan:

14(1) Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah subseksyen 79(3) Enakmen Pentadbiran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam di kediamannya sendiri dan dengan kehadiran anggota keluarganya sendiri sahaja”.

Peruntukan ini sering digunakan oleh pihak pendakwa kerana ianya lebih mudah dibuktikan berbanding dengan peruntukan seksyen lain.³² Seseorang yang dipercayai mengajar ajaran yang diragui juga boleh didakwa di bawah seksyen ini walaupun fatwa yang menyatakan ajaran yang dibawa itu telah menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar. Ini disebabkan peruntukan yang di atas adalah bersifat umum. Di samping itu juga, pihak tertuduh sukar untuk mengelakkan dirinya dari disabitkan kesalahan oleh Mahkamah. Di antara mereka yang pernah didakwa di bawah kesalahan ini ialah kes *Pendakwa Syarie lwn. Shuaib bin Montok*,³³ seorang penyedar dan pengikut ajaran Hassan bin Jonit.

Kesalahan mengajar tanpa tauliah ini bukan sahaja boleh dikenakan pada mereka yang terlibat dengan ajaran sesat tetapi juga pada mereka yang tidak terlibat dengan ajaran sesat.³⁴ Tauliah mengajar perlu diperolehi terlebih dahulu oleh mana-mana orang yang ingin mengadakan sebarang kelas atau majlis ilmu. Kegagalan mendapatkan tauliah mengajar boleh menyebabkan seseorang itu didakwa sekalipun ajaran yang diberi bukan terdiri daripada ajaran sesat.

Satu lagi peruntukan yang boleh dikenakan ke atas mereka yang terlibat dalam ajaran sesat ialah menerbitkan ajaran agama yang bertentangan dengan hukum Syarak di bawah Seksyen 16 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995. Seksyen tersebut menyatakan:

16(1) Mana-mana orang yang –

(a) Mencetak, menyiarkan, menerbitkan, merakamkan atau menyebarkan dengan apa-apa cara apa-apa buku atau dokumen atau apa-apa bentuk lain rakaman mengandungi apa-apa jua yang bertentangan dengan hukum Syarak; atau

(b) Ada dalam miliknya apa-apa buku, dokumen atau bentuk lain rakaman sedemikian untuk dijual atau bagi maksud untuk disebarikan dengan apa-apa cara lain,

³² Mohamad Rais bin Rasid, bekas Ketua Pendakwa Syarie, temubual pada 26 Ogos 1999, jam 10.30 pagi.

³³ Kes Jenayah bil. 25 tahun 1998.

³⁴ Haji Mohd. Khairuddin Abd. Samad, Timbalan Pendakwa Syarie, temubual pada 4 April 2000, jam 10.15 pagi.

Adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya

(2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana buku, dokumen atau bentuk lain rakaman yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan berkaitan dengan buku, dokumen atau bentuk lain rakaman itu.

Terdapat dua jenis kesalahan dalam peruntukan ini. Pertama ialah kesalahan mencetak, menyiar, menerbit, merakam atau menyebarkan apa-apa ajaran dalam sebarang bentuk sama ada dokumen, buku dan lain-lain. Keduanya ialah kesalahan memiliki bahan-bahan tersebut di atas.

Bentuk Tindakan Apabila Fatwa Diwartakan

Pada kebiasaannya, empat bentuk atau cara tindakan diambil selepas sesuatu warta dibuat. Cara-cara tersebut ialah memanggil mereka ke pejabat, mengadakan Majlis Penjelasan Akidah, Kursus Pemurnian Akidah dan akhir sekali tindakan penguatkuasaan.

Mufti diberi tanggungjawab untuk menasihati dan menerangkan kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam sesuatu ajaran sesat. Boleh dikatakan dalam setiap fatwa yang berkaitan dengan ajaran sesat, Mufti terlibat memberi nasihat kepada pengamal ajaran tersebut terutamanya kepada ketua ajaran dan orang-orang kanannya.³⁵ Contohnya mereka yang dipanggil untuk dinasihati ialah pengikut ajaran Sulaiman (Bahtera Nabi Noh) di mana satu majlis dialog telah diadakan pada 24 Disember 1992.³⁶

Selain daripada Mufti, pengamal ajaran sesat terus diberi peluang untuk memulihkan akidahnya apabila diadakan Majlis Penjelasan Akidah. Dalam Majlis ini, satu dialog di antara ahli panel JAIS dengan ketua dan pengikut kanan sesuatu

³⁵ J.A.I.Sel. 8070/9.

³⁶ *Ibid.*

ajaran akan dilakukan.³⁷ Dalam majlis ini, pada kebiasaannya JAIS akan menjemput pakar yang berkaitan dengan tarikat ini untuk menerangkan kesalahan-kesalahan dalam ajaran mereka dan menyatakan pendirian JAIS mengenai ajaran tersebut.

Satu lagi tindakan yang dilakukan ialah mengadakan Kursus Pemurnian Akidah. Dalam Kursus Pemurnian Akidah, ketua ajaran dan beberapa orang kanan mereka dipanggil dan didedahkan segala kesalahan yang terdapat dalam ajaran tersebut.³⁸ Pada kemuncak kursus, para pengamal ajaran diminta bertaubat serta meninggalkan ajaran tersebut. Setakat ini, pengamal Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya dan juga Ajaran Hj. Kahar bin Ahmad telah menjalani majlis dan kursus ini.

Setelah tindakan-tindakan di atas diambil, barulah tindakan undang-undang akan dilakukan. Dalam hal ini, orang yang ditangkap hasil serbuan yang dibuat akan dikenakan tindakan undang-undang.

Penguatkuasaan Fatwa-Fatwa yang Diwarta

Pihak Mufti tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memastikan masyarakat di Selangor mengikut serta mentaati fatwa yang diwartakan. PMNS hanya menjalankan tugasnya sebagai satu badan yang mengeluarkan hukum terhadap sesuatu perkara dan apabila diwartakan ianya sekaligus menjadi undang-undang. Walau bagaimanapun, tindakan susulan terhadap fatwa yang diwartakan itu perlu dijalankan bagi memastikan masyarakat di Selangor mematuhi serta mentaati fatwa tersebut. PMNS bukanlah sebuah badan penguatkuasa sebagaimana yang disebutkan dalam seksyen 28, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 yang menyatakan:

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubung dengan Agama Islam, kecuali perkara Hukum Syara’ dan yang berhubung dengan Pentadbiran Keadilan, setakat yang mengenai Negeri dan dalam semua perkara tersebut, hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia, kecuali jika diperuntukkan sebaliknya dalam Enakmen ini atau mana-mana Enakmen yang berhubung dengan Agama Islam”.

³⁷ Lihat J.A.I.Sel. 8069/2. Haji Kahar dan orang kanannya juga telah menjalani Majlis ini pada 25 Februari 1998. Sila rujuk fail J.A.I.Sel. 8007/1.

³⁸ J.A.I.Sel. 8069/2.

Peruntukan di atas menjelaskan bahawa MAIS telah diberi kuasa untuk mentadbir hal ehwal agama Islam dan menguatkuasakan undang-undang. MAIS juga merupakan badan kedua berkuasa dalam negeri selepas DYMM Sultan. Oleh yang demikian, MAIS telah memberi kuasa kepada JAIS untuk menguatkuasakan undang-undang bagi pihak MAIS. Selain dari itu, tindakan-tindakan susulan yang diambil ialah dengan mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan termasuklah Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Kementerian Dalam Negeri, Polis dan sebagainya.

Bahagian Penguatkuasa JAIS

Bahagian Penguatkuasa JAIS mempunyai organisasinya sendiri dalam melaksanakan tugas mereka dalam membanteras jenayah dan maksiat yang berlaku dalam negeri ini. Jumlah Kakitangan Bahagian Penguatkuasa bagi seluruh negeri Selangor berjumlah 64 orang semuanya termasuklah di daerah Petaling, Klang, Sepang, Kuala Langat, Hulu Langat, Gombak, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan bahagian ibu pejabat sendiri di Shah Alam. Carta Organisasi dan Pembahagian kakitangan dapat dilihat sebagaimana dalam carta dan jadual berikut:


Jadual 1
Jumlah Kakitangan Bahagian Penguatkuasaan JAIS
bagi Seluruh Selangor

Daerah	Gred	Tetap	Kontrak	Jumlah
Ibu Pejabat Bahagian	S3	1	-	1
Penguatkuasa JAIS	S7	16	1	17
Petaling	S7	1	4	5
Klang	S7	-	9	9
Selangor	S7	-	3	3
Kuala Langat	S7	1	2	3
Hulu Langat	S7	-	5	5
Gombak	S7	1	8	9
Hulu Selangor	S7	-	3	3
Kuala Selangor	S7	1	4	5
Sabak Bernam	S7	1	3	4
Jumlah		7	57	64

(Sumber: Bahagian Penguatkuasa, JAIS)

Carta 2

Carta Organisasi Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor 1999



(Sumber: Bahagian Penguatkuasa, JAIS)

Bahagian Penguatkuasa mempunyai bidanguasa untuk membuat serbuan terhadap sebarang kesalahan yang melibatkan umat Islam sepertimana dalam peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Selangor 1995. Kesalahan-kesalahan yang kerap berlaku ialah kesalahan khalwat, tidak berpuasa di bulan Ramadhan, meminum arak dan juga kesalahan melanggar fatwa.

Pada kebiasaannya, serbuan dibuat setelah pihak Penguatkuasa menerima laporan atau aduan dari mana-mana pihak.³⁹ Aduan tersebut akan disiasat sama ada ianya aduan yang benar atau palsu. Akan tetapi, dalam kes ajaran sesat, pihak Penguatkuasa tidak boleh terus mengambil tindakan dengan menangkap mereka yang dikatakan terlibat dalam sesuatu ajaran sesat. Pihak Penguatkuasa perlu mengambil

³⁹ Mohamad Sujak bin Mohamad Dasuki, Ketua Bahagian Penguatkuasa JAIS, temubual pada 13 November 1999, jam 11.30 pagi.

masa yang lama sebelum mengambil tindakan termasuklah menyamar sebagai ahli sesuatu ajaran tersebut.⁴⁰ Selalunya, bahagian Penguatkuasa menjalankan kerjasama dengan bahagian Penyelidikan JAIS dalam menyasat kes-kes ajaran sesat.⁴¹ Dalam keadaan sedemikian, mereka yang terlibat akan dapat mengumpul bahan bukti untuk menunjukkan ajaran tersebut benar-benar menyeleweng. Setelah bukti-bukti penyelewengan diperolehi dan tangkapan dibuat, laporan sepenuhnya akan diberikan kepada pihak Pendakwaan JAIS.⁴²

Bahagian Penguatkuasa JAIS telah memulakan siasatan terhadap semua kes ajaran sesat. Di samping itu juga, operasi untuk menangkap mereka yang melanggar fatwa-fatwa yang telah diwartakan juga telah dijalankan. Jadual di bawah menunjukkan tindakan yang telah diambil dan juga hasil siasatan yang dilakukan oleh bahagian Penguatkuasa:

Jadual 2
Laporan Tindakan yang Telah Diambil oleh Bahagian Penguatkuasa JAIS

Bil.	Nama Fatwa	Catitan
1.	Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya	<ol style="list-style-type: none"> 1. Majlis Penjelasan Akidah dan Kursus Pemurnian Akidah telah diadakan. 2. Sebahagian pengikut masih beramal. Mengumpul hampir 60 orang pada satu-satu masa.
2.	Ajaran Nordin Putih	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kurang aktif 2. Pengikut baru tiada 3. Telah diambil tindakan oleh mahkamah
3.	Ajaran Hj. Ghazali Othman	<ol style="list-style-type: none"> 1. Masih aktif 2. Gerakan secara sulit 3. Dipercayai dibuat di rumah beliau
4.	Ajaran Ilmu Hakikat (Jahar bin Dumin)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak aktif sejak guru meninggal 2. Pengikut kanan juga tidak terlibat

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Nordin Bayadi, *op.cit.*

⁴² Mohamad Sujak bin Mohamad Dasuki, *op.cit.*

Bil.	Nama Fatwa	Catitan
5.	Ajaran Martabat Tujuh (Hamzah Embi)	1. Kebanyakan pengikut di daerah Sabak Bernam telah keluar
6.	Ajaran Hj. Kahar bin Ahmad	1. Majlis Penjelasan Akidah telah dibuat 2. Masih bergerak aktif–menghantar surat-surat kepada pihak berkenaan
7.	Ahmad Ismailliah	1. Masih bergerak aktif 2. Mewujudkan satu perkampungan sendiri. 3. Anggaran pengikut 100 orang
8.	Al-Arqam	1. Masih bergerak aktif 2. Gerakan diawasi oleh pihak polis
9.	Ajaran Ahmadiyah/Qadiani	1. Aktif 2. Sembahyang Jumaat sendiri 3. Perlakuan seperti orang Islam
10.	Jamaah Islam	1. Aktif 2. Mengumpul hampir 200 pengikut pada satu-satu masa 3. Penganut kebanyakannya adalah pendatang asing
11.	Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol	1. Masih aktif 2. Pengikut semakin kurang 3. Guru dipercayai lari ke Indonesia semenjak ajaran difatwa
12.	Ajaran Khatijah	1. Masih aktif 2. Pengikut dianggarkan seramai 15-20 orang
13.	Tarikat Islam Muhammad SAW Habibullah Al-Hashimi	1. Masih aktif 2. Gerakan secara sulit
14.	Ajaran Sulaiman (Bahtera Nabi Noh)	1. Masih aktif 2. Pengikut dianggarkan seramai 15-20 orang

Bil.	Nama Fatwa	Catitan
15.	Ajaran Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit	1. Masih aktif walaupun telah didakwa
16.	Penyertaan Wanita Islam dalam Pertandingan Ratu Cantik	1. 3 orang wanita telah ditangkap 2. Telah didakwa di mahkamah

(Sumber: Bahagian Penguatkuasa, JAIS)

Jadual di atas menunjukkan bahawa pihak Penguatkuasa, JAIS telah membuat tindakan susulan terhadap fatwa yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ianya adalah laporan lengkap terhadap keseluruhan kegiatan bagi fatwa yang telah diwartakan serta melihat sejauhmana keaktifan gerakan tersebut.

Berdasarkan jadual di atas, banyak lagi ajaran sesat yang bergerak aktif. Di antara ajaran yang masih bergerak aktif ialah Ajaran Hj. Ghazali Othman, Ahmad Ismailiah, Ajaran Ahmadiyah/Qadiani, Ajaran Islam Jamaah, Ajaran Sulaiman (Bahtera Nabi Noh) dan Ajaran Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit.

Walaupun bagaimanapun, tidaklah dinafikan ada di antara ajaran sesat itu tidak begitu aktif kerana kematian ketua, tiada pemimpin baru serta guru lari dari Malaysia setelah fatwa diwartakan. Inilah di antara sebab mengapa ajaran-ajaran yang tertentu tidak aktif dan seperti sudah berkubur. Walaupun begitu, ini tidaklah bermakna ajaran-ajaran tersebut sudah tidak perlu diawasi lagi. Di antara ajaran-ajaran tersebut ialah ajaran Ilmu Hakikat (Jahar bin Dumin) dan Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol.

Bahagian Pendakwaan JAIS

Pihak Pendakwaan JAIS akan mengambil tindakan segera bagi setiap kes yang dilaporkan oleh bahagian Penguatkuasaan JAIS. Bahagian Pendakwaan berkuasa untuk mendakwa mereka yang ditangkap oleh bahagian Penguatkuasa dalam setiap serbuan yang dilakukan. Tindakan pertama yang perlu diambil kira ialah menentukan di bawah seksyen manakah seseorang yang ditangkap itu akan didakwa.⁴³ Ini penting

⁴³ Mohamad Rais bin Rasid, *op.cit.*

supaya tidak berlaku sebarang kesalahan pendakwaan yang mana boleh menjejaskan kredibiliti serta kewibawaan pihak pendakwa sendiri.

Di samping itu juga, pihak pendakwa perlu memastikan bahawa kesalahan tersebut boleh didakwa di Mahkamah Syariah.⁴⁴ Sekiranya kesalahan tersebut bukan di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah, maka sudah tentu ianya membuang masa pihak pendakwa sahaja kerana mereka yang dituduh tidak boleh disabitkan di atas kesalahan tersebut.

Ketua Pendakwa Syarie mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada sesuatu kes itu akan dibawa ke mahkamah ataupun tidak. Sebagaimana peruntukan dalam seksyen 54(2), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 yang menyatakan bahawa:

“Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan mengikut budibicaranya untuk mendakwa, menjalankan atau tidak meneruskan mana-mana prosiding bagi kesalahan di dalam Mahkamah Syariah”.

Peruntukan di atas jelas menunjukkan bahawa Ketua Pendakwa Syarie boleh di atas budi bicaranya mendakwa atau tidak mendakwa seseorang yang telah ditangkap. Pada kebiasaannya, pendakwaan dilakukan berdasarkan kepada bukti-bukti kukuh yang telah diperolehi oleh pihak pendakwa.⁴⁵

Ketua Pendakwa Syarie juga boleh menggunakan kuasanya mendakwa seseorang itu melakukan tidak hanya satu tetapi lebih di atas perbuatannya sepertimana peruntukan dalam seksyen 86, Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah Selangor 1995 yang menyatakan:

“Bagi tiap-tiap kesalahan berlainan hendaklah dibuat pertuduhan yang berasingan, dan tiap-tiap pertuduhan itu hendaklah dibicarakan secara berasingan kecuali dalam kes-kes yang disebut di bawah seksyen 87, 88, 89 dan 93”

Pertuduhan yang dikenakan kepada seseorang itu adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak pendakwa sendiri untuk menentukan berapa jenis tuduhan yang

⁴⁴ Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah, no. 6 tahun 1991, Seksyen 65.

⁴⁵ Mohamad Rais bin Rasid, *op.cit*

akan dikenakan terhadap tertuduh. Seseorang itu boleh dituduh dengan satu kesalahan atau lebih bergantung kepada kesesuaian. Contohnya, mereka yang ditangkap menyertai pertandingan ratu cantik telah didakwa dengan dua kesalahan iaitu di bawah Seksyen 12(c) iaitu menghina pihak berkuasa dan juga di bawah Seksyen 31. Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 iaitu berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai. Kedua-dua kesalahan ini adalah berlainan dan pihak pendakwa berpendapat mereka mesti didakwa di bawah kesalahan tersebut. Alasan pihak peguambela yang menyatakan bahawa pendakwaan bagi kes ini adalah kesalahan berulang kerana OKT telah didakwa di bawah kesalahan seksyen 31 telah ditolak oleh Y.A. Hakim sebagaimana di bawah:⁴⁶

Pihak peguam cuba mengaitkan isu ini dengan artikel 7(2) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi "seseorang yang telah dibebaskan atau disabit satu kesalahan tidak boleh dibicarakan semula kerana kesalahan itu juga kecuali jika sabitan atau pembebasan itu dibatalkan dan perbicaraan semula diperintahkan oleh Mahkamah yang lebih tinggi daripada Mahkamah yang telah dibebaskan/mensabitkan".

Sila peguam baca betul-betul dan berhati-hati akan maksud artikel tersebut. Artikel tersebut telah memberi penjelasan bahawa suatu kes yang sudah dibicarakan dan disabitkan kesalahannya atau dibebaskan tidak boleh dibicarakan semula atas kesalahan itu kecuali dengan perintah Mahkamah yang tinggi atau sebab-sebab tertentu. Sedangkan kes yang dihadapi oleh pihak kena tuduh ini adalah kes atau kesalahan yang berlainan bukan kesalahan itu sekalipun orang yang sama. Oleh yang demikian, pihak kena tuduh boleh dan wajar serta tidak terlepas dari tindakan undang-undang di atas kesalahan lain berdasarkan fakta yang berbeza, seksyen yang berbeza, ini dikuatkan lagi dengan adanya seksyen 88(1) Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah Selangor, bil. 6 tahun 1991 yang menyatakan "Jika kesalahan-kesalahan itu adalah suatu siri perbuatan yang berkaitan di antara satu dengan yang lain sehingga menjadikan urusan yang sama, orang yang dituduh boleh dipertuduhkan dan dibicarakan dalam satu perbicaraan bagi tiap-tiap kesalahan itu".

⁴⁶ Kes Jenayah bil. 510/511/512 Tahun 1997

Keputusan Hakim adalah jelas menunjukkan bahawa kesalahan menghina pihak berkuasa iaitu Mufti dan kesalahan berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai adalah dua perbuatan yang berbeza dan pihak pendakwa boleh meneruskan dakwaannya.

Untuk melihat dengan lebih jelas lagi kes-kes kemungkiran fatwa warta, di bawah ini dijelaskan mereka yang pernah didakwa di Mahkamah Syariah:

Jadual 3
Statistik Dakwaan yang telah Disabitkan di Mahkamah Syariah

Tahun	Jenis		Seksyen Dakwaan
1997	Ajaran sesat (Hassan bin Jonit)	i. Shuaib bin Montok	s.14- Mengajar tanpa tauliah
	Menyertai pertandingan Ratu Cantik	i. Noni Mohammad ii. Fahyu Hanim Ahmad iii. Sharina Shaari	s.31- Berkelakuan tidak sopan s.12 (c)- Melanggar Fatwa

(Sumber: Bahagian Pendakwaan JAIS)

Sehingga kini hanya dua jenis kesalahan sahaja yang telah disabitkan kesalahannya di Mahkamah Syariah iaitu kes ajaran sesat dan kesalahan menyertai pertandingan Ratu Cantik. Mereka yang didakwa dalam kes ajaran salah ialah pengikut ajaran Hassan bin Jonit.

Bagi dakwaan pertama, mereka yang menyertai pertandingan ratu cantik didakwa di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya di bawah seksyen 31. Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 iaitu kes *Pendakwa Syarie lwn. Noni Mohamad, Fahyu Hanim dan Sharina Shaari*.⁴⁷ Perbicaraan di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya tidak berlarutan kerana ketiga-tiga OKT mengaku salah apabila pertuduhan dibacakan. Mereka telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM400 atau 2 bulan penjara setiap seorang.

Akan tetapi, kes kedua yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam di bawah Seksyen 12 (c), Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 dalam kes

⁴⁷ Kes Jenayah bil. 238/239/240 Tahun 1997.

Pendakwa Syarie lwn. Fahyu Hanim Ahmad, Noni Mohamad dan Sharina Shaari,⁴⁸ agak lama dibicarakan. Ini kerana adanya bantahan pihak peguambela ketiga-tiga OKT terhadap pertuduhan yang dikenakan dan mereka tidak mengaku salah. Namun, akhirnya mereka mengubah pengakuan dari tidak bersalah kepada bersalah apabila bantahan ditolak oleh Hakim. Dalam kes ini, OKT 1 dan OKT 2 telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,400 atau 4 bulan penjara serta berkelakuan baik selama 6 bulan.

Manakala bagi kes Nordin bin Putih, perbicaraannya masih lagi belum selesai.⁴⁹ Ini kerana beliau membuat pengakuan tidak bersalah di atas pertuduhan yang dibacakan ke atasnya.

Kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri, Imigresen, Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan, Polis dan sebagainya

Selain daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan juga boleh mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar fatwa. Tindakan yang melibatkan Kerajaan Persekutuan ini biasanya dilakukan apabila mempercayai gerakan atau ajaran sesat itu bersifat militan serta boleh mengancam keselamatan negara.⁵⁰

Dalam hal ini, bentuk tindakan yang akan diambil oleh kerajaan akan dirancang dan satu *task force* di peringkat Persekutuan akan ditubuhkan. Oleh yang demikian, semua pihak yang terlibat seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Penerangan, Polis, Kementerian Pendidikan dan sebagainya akan memainkan peranan masing-masing untuk membanteras sehabis-habisnya gerakan tersebut.

Setakat ini, ajaran sesat yang telah dikenakan tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ialah gerakan kumpulan al-Arqam⁵¹ dan Syiah.⁵² Apabila tindakan

⁴⁸ Kes Jenayah bil. 510/511/512 Tahun 1997.

⁴⁹ Maklumat diperolehi dari pertemuan dengan Pn. Siti Aminah, Penolong Pendaftar di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam pada 1 Februari 2000, jam 11 pagi dan temubual dengan Haji Mohd. Khairuddin Abd. Samad, Timbalan Pendakwa Syarie pada 4 April 2000, jam 10.15 pagi.

⁵⁰ J.A.I.Sel. 8014/16.

⁵¹ *Ibid.*

⁵² Seramai 10 orang pengamal fahaman Syiah telah ditahan di bawah ISA. Sila rujuk fail J.A.I.Sel. 8070/19.

telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri tidak akan mengambil tindakan terhadap gerakan tersebut seperti mendakwanya di Mahkamah Syariah negeri.

Selain daripada menggunakan ISA, pihak Imigresen turut memainkan peranannya dengan melarang mana-mana penyebar ajaran sesat daripada masuk ke Negara Malaysia. Setakat ini, kader-kader kumpulan ajaran sesat Qadiani/Ahmadiyah⁵³, Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya⁵⁴ dan ajaran Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol pernah ditahan.⁵⁵ Di samping itu juga, Kementerian Dalam Negeri (KDN) pula bertindak merampas mana-mana buku yang diharamkan mengikut Akta 301, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa masyarakat Islam di negeri Selangor perlu mematuhi dan mentaati fatwa-fatwa yang telah diwartakan. Manakala pemantauan oleh pihak berwajib terhadap fatwa-fatwa tersebut khususnya ajaran-ajaran sesat perlu dilaksanakan dan diteruskan dari masa ke semasa. Kerjasama yang dijalinkan oleh JAIS dengan kementerian-kementerian yang terbabit amat penting untuk memastikan fatwa-fatwa tersebut dihormati.

Di samping itu juga dapat dilihat bahawa tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang melanggar fatwa termasuklah menasihati, melarang dari memasuki Malaysia, mengenakan tahanan di bawah ISA, mendakwanya di Mahkamah Syariah dan sebagainya.

⁵³ J.A.I.Sel. 8069/2.

⁵⁴ J.A.I.Sel. 8023.

⁵⁵ J.A.I.Sel. 8069/2.